



DR. MAD NASIR SAMSUDIN (dua kiri) bertukar dokumen dengan Polkit Sangvanich (dua kanan) selepas menandatangani memorandum perjanjian jaringan penyelidikan bioteknologi antara kedua-dua universiti di UPM, Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. NOOR MAT AMIN

MoA jalin kerjasama bioteknologi

KUALA LUMPUR 17 Ogos - Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Universiti Chulalongkorn, Thailand untuk memulakan jaringan antara penyelidik kedua-dua universiti itu dalam bidang berkaitan bioteknologi ke arah memantapkan penyelidikan bersama.

MoA itu merangkumi pertukaran kakitangan akademik dan pelajar termasuk pelajar ijazah dan pasca siswazah, pembangunan program pengajian di luar negara dan penyeliaan bersama untuk pelajar pasca siswazah.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Sam-

sudin menandatangani MoA itu bagi pihak Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul universiti itu manakala Dekan Fakulti Sains, Prof. Madya Polkit Sangvanich mewakili Universiti Chulalongkorn.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas itu, Mad Nasir berkata, kerjasama itu bertujuan menggalakkan pertukaran akademik antara kedua-dua fakulti dengan mengaplikasi sistem pemindahan kredit dan kursus setara di antara pelajar Malaysia dan Thailand.

Katanya, ini akan melibatkan pertukaran lima kakitangan akademik dan 10 pelajar termasuk pelajar ijazah dan pascasiswazah dalam tempoh setahun.

"Universiti Chulalongkorn merupakan antara universiti terbaik, dan kerjasama ini diharapkan dapat mendedahkan pelajar dengan proses pembelajaran di luar negara," katanya.

Beliau turut menyatakan, penyelidikan dan pembangunan bioteknologi amat penting bagi memenuhi peluang dan sektor pekerjaan di negara ini pada masa akan datang.

Bersempena majlis tersebut juga, satu seminar bertajuk 'Bengkel Bioteknologi Penggunaan Biomas untuk Pembangunan ASEAN' turut diadakan semalam dengan dihadiri oleh lapan penyelidik dari UPM dan Universiti Chulalongkorn.